

# LAWATAN KERJA DAN MAJLIS RAMAH MESRA MENTERI PERTAHANAN KE MARKAS 5 BRIGED, KEM LOK KAWI

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3013-lawatan-kerja-dan-majlis-ramah-mesra-menteri-pertahanan-ke-markas-5-briged-kem-lok-kawi](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3013-lawatan-kerja-dan-majlis-ramah-mesra-menteri-pertahanan-ke-markas-5-briged-kem-lok-kawi)

KOTA KINABALU, 9 Feb 18 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah mengadakan Lawatan Kerja ke Markas 5 Briged, Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu, Sabah sempena program Jelajah Perkasa Perwira beliau. Turut hadir mengiringi Menteri Pertahanan adalah Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.



Dalam rangka lawatan Menteri Pertahanan di sana, beliau telah menyampaikan kepada semua warga ATM serta warga veteran yang hadir berkenaan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan Tertinggi Mindef & ATM terutamanya berkaitan agenda kebajikan kepada semua warga ATM, Veteran serta keluarga.



Kira-kira 200 orang warga ATM dari ketiga-tiga perkhidmatan di kawasan Kota Kinabalu terlibat di dalam program ini



Turut hadir ke majlis ini ialah Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi; Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Tan Sri Dato' Zulkiple bin Hj Kassim serta pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.



